



26 Oktober 2017
26 October 2017
P.U. (A) 330

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(PEMERLUASAN DAN UBAH SUAIAN
AKTA HAD MASA 1953) 2017

*FEDERAL TERRITORY OF LABUAN (EXTENSION AND
MODIFICATION OF LIMITATION ACT 1953)
ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO. 2) 1984

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (Pemerluasan dan UBAH SUAIAN
AKTA HAD MASA 1953) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan UBAH SUAIAN Akta Had Masa 1953) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 27 Oktober 2017.

Pemerluasan Akta ke Wilayah Persekutuan Labuan

2. Akta Had Masa 1953 [*Akta 254*], yang disebut “Akta yang diperluas” dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Labuan.

UbaH suaian Akta yang diperluas

3. Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual.

Pemansuhan, kecualian dan peralihan

4. (1) Ordinan Had Masa 1952 [*Sabah Bab 72*] (kemudian daripada ini disebut “Ordinan yang dimansuhkan”), dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dimansuhkan.

(2) Apa-apa surat cara yang dilaksanakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa dan yang menyentuh apa-apa urusan yang dibenarkan di bawah Ordinan yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa di bawah Ordinan yang dimansuhkan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

(3) Mana-mana guaman atau prosiding yang masih belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Ordinan yang dimansuhkan sebelum Perintah ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Ordinan yang dimansuhkan seolah-olah Perintah ini tidak dibuat.

JADUAL
[Perenggan 3]

(1)	(2)
Peruntukan Akta Had Masa 1953	Ubah Suaian
Subseksyen 1(2)	... Gantikan perkataan “Peninsular Malaysia only” dengan perkataan “Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan”.
Subseksyen 2(1)	... Potong takrif “Peninsular Malaysia”.
Subseksyen 9(2)	... Potong perkataan “, or the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963 [Act 518],”.
Perenggan 9(2)(b)	... (a) Masukkan selepas perkataan “the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965]” perkataan “as extended and modified under the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of the National Land Code) Order 2009 [P.U. (A) 454/2009]”;
	(b) Potong perkataan “, or the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963,”; dan
	(c) Potong perkataan “or Act”.
Seksyen 35	... Potong seksyen 35.
Jadual	... Potong Jadual.

Dibuat 2 Oktober 2017
[KWP(S):24/669/143 Jld.4(32); PN(PU2)415/XV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI BIN HANSA
Setiausaha Jemaah Menteri

CONSTITUTION (AMENDMENT) (NO. 2) ACT 1984

FEDERAL TERRITORY OF LABUAN (EXTENSION AND MODIFICATION OF
LIMITATION ACT 1953) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Constitution (Amendment) (No. 2) Act 1984 [*Act A585*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of Limitation Act 1953) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 27 October 2017.

Extension of Act to the Federal Territory of Labuan

2. The Limitation Act 1953 [*Act 254*], which is referred to as the “extended Act” in this Order, is extended to the Federal Territory of Labuan.

Modification of extended Act

3. The extended Act is modified in the manner as set out in the Schedule.

Repeal, saving and transitional

4. (1) The Limitation Ordinance 1952 [*Sabah Cap. 72*] (hereinafter referred to as the “repealed Ordinance”), in its application to the Federal Territory of Labuan, is repealed.

(2) Any instrument executed under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order and affecting any dealing permitted under the repealed Ordinance shall continue to be in force under the repealed Ordinance as if this Order had not been made.

(3) Any suit or proceedings pending or commenced under the repealed Ordinance before the coming into operation of this Order shall be continued and concluded under the repealed Ordinance as if this Order had not been made.

SCHEDULE
[Paragraph 3]

(1)	(2)
Provisions of the Limitation Act 1953	Modifications
Subsection 1(2)	... Substitute for the words “Peninsular Malaysia only” the words “Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan”.
Subsection 2(1)	... Delete the definition of “Peninsular Malaysia”.
Subsection 9(2)	... Delete the words “, or the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963 [Act 518],”.
Paragraph 9(2)(b)	... (a) Insert after the words “the National Land Code 1965 [Act 56 of 1965]” the words “as extended and modified under the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of the National Land Code) Order 2009 [P.U. (A) 454/2009]”; (b) Delete the words “, or the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act 1963,”; and (c) Delete the words “or Act”.
Section 35	... Delete section 35.
Schedule	... Delete the Schedule.

Made 2 October 2017
[KWP(S):24/669/143 Jld.4(32); PN(PU2)415/XV]

By Command

TAN SRI DR. ALI BIN HANSA
Secretary to the Cabinet